

Bimbang mahasiswa Indonesia terjebak dengan kumpulan radikal agama

SINTOK – Kerajaan Indonesia melahirkan kebimbangan terhadap pengaruh kumpulan radikal agama dalam kalangan mahasiswa republik itu yang menuntut di pusat pengajian tinggi di negara ini.

Duta Besar Indonesia di Malaysia, Herman Prayitno berkata, pihaknya memandang serius gejala tersebut ekoran terdapat beberapa individu dikesan cuba menarik sokongan pelajar untuk menyertai golongan itu atas nama jihad.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan ada golongan muda warga Indonesia yang bukan mahasiswa tinggal di Malaysia terlibat dengan kumpulan tersebut dan mereka difahamkan pernah merancang mengikuti latihan ketenteraan di Syria sebelum ini.

"Pada masa ini, kira-kira 7,000 hingga 8,000 mahasiswa Indonesia melanjutkan pengajian di Malaysia



HERMAN

temakan 'Strengthening Nationalism To Contain Radicalism' di **Universiti Utara Malaysia** (UUM) di sini semalam.

Turut hadir Timbalan

dan tiada laporan dalam kalangan mereka dikesan terjebak dengan kumpulan radikal agama," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kebangsaan ber-

Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UUM, Prof. Madya Dr. Abdul Malek Abdul Karim yang mewakili Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

Ketika ini, kira-kira 800 mahasiswa Indonesia sedang menuntut di UUM.

Herman memberitahu, fahaman radikal agama perlu dikawal kerana ia dikhuatiri akan merebak dalam kalangan mahasiswa yang merupakan golongan muda dan mudah terpengaruh.